

**Doktor Ditambah Di Klinik-Klinik 1Malaysia Di Kelantan  
Bernama  
2 Ogos, 2012**

KOTA BAHARU, 2 Ogos (Bernama) -- Klinik 1Malaysia, yang beroperasi di Kelantan sejak dua tahun lepas, akan menambah bilangan doktor di lapan cawangannya di negeri ini bagi memberi kemudahan kepada orang ramai mendapat rawatan.

Pengarah Kesihatan Kelantan Datuk Dr Ahmad Razin Ahmad Mahir berkata pertambahan itu ialah proses menambah nilai selain dapat memudahkan orang ramai mendapatkan rawatan seperti kencing manis atau darah tinggi.

Beliau memberitahu Bernama setakat ini, Klinik 1Malaysia hanya mempunyai tiga doktor tetap yang bertugas tiga kali seminggu di klinik cawangan Jelawat (Bachok), Manal (Tanah Merah) dan Sri Cemerlang (Kota Baharu).

Cawangan lain yang belum ditempatkan doktor ialah Pengkalan Batu (Pasir Mas), Batu Melintang (Jeli), Geting (Tumpat), Sungai Durian (Kuala Krai) dan Pulau Lima (Pasir Puteh), katanya.

"Doktor bertugas secara berkala di klinik-klinik berkenaan iaitu dua kali seminggu mulai 2 petang hingga 10 malam bagi memudahkan orang ramai khususnya golongan pekerja mendapatkan rawatan," katanya.

Setakat ini, klinik-klinik itu menerima 30 hingga 70 pesakit sehari.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685037>





